



POLISI SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH MAJLIS BANDARAYA IPOH (SPAR MBI)

MBI komited untuk menjamin dan mempertingkatkan integriti kakitangan mengikut peraturan dan undang-undang yang berkaitan bagi mengekang sebarang aktiviti berbentuk rasuah, penyelewengan, maklumat palsu dan salah guna kuasa di dalam pengurusan perolehan MBI secara holistik dan responsif.

MBI mengamalkan toleransi sifar terhadap apa-apa bentuk perlakuan rasuah (zero tolerance towards corruption) dan berjanji untuk bertindak secara adil, telus, profesional dan berakuntabiliti bagi memastikan budaya kerja cemerlang, berprestasi tinggi dalam merealisasikan visi Ipoh Bandar Wilayah Pintar Berteraskan Ekosistem Mampan dan Bestari Sejahtera.

Pihak ketiga yang dilantik mewakili kepentingan MBI dan rakan niaga hendaklah mematuhi prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam polisi ini. Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Anti Rasuah MBI dan Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing) MBI.

MBI memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut:

- 1) Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2019 (Akta 694) dan undang-undang yang berkuat kuasa, peraturan, polisi, arahan, prosedur dan garis panduan MBI yang telah ditetapkan;
- 2) Mewujudkan proses pengenalpastian, penganalisaan, penaksiran dan kawalan risiko bagi proses-proses perolehan serta membuat perancangan untuk mencapai objektif dan sasaran bagi aktiviti-aktiviti yang dikenal pasti mempunyai risiko / memberi impak kepada MBI;
- 3) Memantapkan kecekapan tadbir urus melalui semakan semula dasar dan penilaian risiko sekurang-kurangnya 1 tahun sekali atau sekiranya terdapat perubahan;
- 4) Memastikan usaha pencegahan rasuah dilaksanakan berdasarkan Strategi Pembanterasan Rasuah MBI (ICCACS) melalui Jawatankuasa Tatakelola (JTK) MBI yang berwibawa, berautoriti dan bebas;
- 5) Menyediakan saluran pelaporan yang selamat melalui prosedur perlindungan pemberi maklumat (whistleblowing) MBI bagi menjamin kerahsiaan pengadu pada tahap perlindungan maklumat yang tinggi selaras dengan Akta 711; dan
- 6) Melaksanakan kawalan dan penambahbaikan secara berterusan menerusi SPAR MBI mengikut standard MS ISO 37001:2025 (Sistem Pengurusan Antirasuah).

Kegagalan mematuhi Polisi SPAR ini akan dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Ipoh (Kelakuan dan Tatatertib) 2013 atau tindakan berdasarkan undang-undang tanpa ragu.


YBHG. TUAN ZAMAKHSHARI BIN HANIPAH
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA IPOH

TARIKH : 12 FEBRUARI 2026